

Integrasi Ilmu Waqaf Dan Ibtida' dengan Linguistik Arab Moden: Satu Pembinaan Kerangka Konseptual

[Integration of Waqf and Ibtida' Knowledge with Modern Arabic Linguistics: Building a Conceptual Framework]

Ahmad Hafiz^{1*}, Anuar Ramli¹ & Safwan Harun¹

¹ Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

*Corresponding email: mohdanuar@um.edu.my

ARTICLE INFO

Revised Date: 5 October 2025

Accepted Date: 16 November 2025

Published Date: 31 December 2025

Kata Kunci:

Waqaf Ibtida', Linguistik Arab, Kerangka Konseptual

Keywords:

Waqaf Ibtida', Arabic Linguistic, Conceptual framework

Abstrak

Ilmu Waqaf dan Ibtida' merupakan salah satu komponen penting dalam tradisi 'Ulūm al-Qur'ān yang berperanan memastikan keutuhan makna dan kefasihan bacaan. Walau bagaimanapun, disiplin ini sering dikaji dalam kerangka tradisional tanpa diberikan perhatian yang mencukupi terhadap potensi integrasinya dengan ilmu linguistik moden. Kajian ini dijalankan dengan tujuan membina satu kerangka konseptual yang menggabungkan prinsip waqaf dan ibtida' dengan teori linguistik Arab merangkumi aspek sintaksis, semantik, pragmatik dan Balāghah. Reka bentuk kualitatif berasaskan analisis konseptual digunakan melalui kajian kepustakaan terhadap sumber klasik dan kontemporari. Hasil kajian menunjukkan bahawa kategori waqaf mempunyai hubungan rapat dengan analisis sintaksis, manakala ibtida' yang tepat terbukti mengekalkan kesinambungan makna dari sudut semantik. Dimensi pragmatik pula menjelaskan kepentingan konteks komunikasi dalam menentukan kesesuaian berhenti dan memulakan bacaan, sementara dimensi balaghah menegaskan nilai retorik yang terserlah apabila waqaf dan ibtida' diaplikasikan dengan betul. Kerangka konseptual yang dihasilkan bukan sahaja mengekalkan autoriti tradisi ulum al-Quran, malah memperluasnya dengan asas linguistik moden yang lebih saintifik. Implikasi kajian ini dapat dilihat dalam dua bidang utama. Pertama, ia memberikan nilai tambah kepada masyarakat awam melalui peningkatan kefahaman dan kualiti tadabbur al-Quran. Kedua, ia menawarkan asas yang kukuh kepada institusi pendidikan Islam untuk membangunkan modul pengajaran waqaf dan ibtida' berasaskan integrasi linguistik moden. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa pendekatan integratif mampu menyumbang kepada perkembangan penyelidikan al-Quran kontemporari serta pengukuhan metodologi dalam pengajian Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa kategori waqaf mempunyai hubungan rapat dengan analisis sintaksis, manakala ibtida' yang tepat terbukti mengekalkan kesinambungan makna dari sudut semantik. Dimensi pragmatik pula menjelaskan kepentingan konteks komunikasi dalam menentukan kesesuaian berhenti dan memulakan bacaan, sementara dimensi balaghah menegaskan nilai retorik yang terserlah apabila waqaf dan ibtida' diaplikasikan dengan betul. Kerangka konseptual yang dihasilkan bukan sahaja mengekalkan autoriti tradisi ulum al-Quran, malah memperluasnya dengan asas linguistik moden yang lebih saintifik.

Abstract

science of Waqf and Ibtidā' is one of the essential components in the tradition of 'Ulūm al-Qur'ān, serving to ensure the integrity of meaning and fluency of recitation. However, this discipline is often studied within a traditional framework without sufficient attention given to its potential integration with modern linguistic sciences. This study was conducted with the aim of developing a conceptual framework that integrates the principles of waqf and ibtidā' with Arabic linguistic theories encompassing syntax, semantics, pragmatics, and balāghah. A qualitative design based on conceptual analysis was employed through a literature review of both classical and contemporary sources. The findings indicate that the categories of waqf are closely linked to syntactic analysis, while accurate ibtidā' is proven to preserve the continuity of meaning from a semantic perspective. The pragmatic dimension highlights the importance of communicative context in determining appropriate pauses and resumptions, while the balāghah dimension emphasizes the rhetorical value that emerges when waqf and ibtidā' are applied correctly. The resulting conceptual framework not only preserves the authority of the Qur'anic sciences tradition but also expands it with a more scientific foundation derived from modern linguistics. The implications of this study can be observed in two main areas. First, it adds value for the general public by enhancing understanding and the

quality of Qur'anic reflection (tadabbur). Second, it provides a strong foundation for Islamic educational institutions to develop teaching modules on waqf and ibtidā' based on the integration of modern linguistics. Overall, this study demonstrates that an integrative approach can contribute to the advancement of contemporary Qur'anic research as well as the strengthening of methodology in Islamic studies

Pengenalan

Kajian terhadap al-Quran secara tradisional telah berpusat pada disiplin seperti *Qirā'āt*, Tajwīd dan Tafsir. Namun, seiringan dengan perkembangan zaman, terdapat pergeseran menuju pendekatan yang lebih analitis dan kontemporari, termasuk aplikasi teori linguistik moden. Antara disiplin ilmu yang mustahak dalam pembacaan al-Quran adalah ilmu Waqaf dan Ibtida', iaitu ilmu yang membahaskan tentang tempat berhenti dan memulakan bacaan yang bertujuan untuk menjaga keutuhan makna Kalam Allah (Khairuddin et al., 2021). Pemahaman yang lemah terhadap waqaf dan ibtida' dapat menimbulkan kekeliruan makna, bahkan dalam beberapa isu, berpotensi menghasilkan tafsiran yang bertentangan dengan maksud asli ayat (Aripin, 2018).

Dalam konteks linguistik Arab, diskusi mengenai sintaksis (*Naḥu*), semantik (*Dalālah*), pragmatic (*Siyāq al-Kalām*) dan *Balāghah* menawarkan perspektif ilmiah dalam memahami struktur dan makna ayat al-quran (Putra, 2021). Oleh kerana itu, integrasi ilmu waqaf dan ibtida' dengan teori linguistik Arab berpotensi menghasilkan pendekatan holistik yang tidak hanya mempertahankan warisan tradisi tetapi juga memenuhi tuntutan akademik kontemporari yang berorientasi pada bukti. Pendekatan integratif ini juga berpotensi mengisi kesenjangan dalam penelitian al-Quran. Khususnya dalam menganalisis dampak pembacaan terhadap pemahaman dan tadabbur masyarakat Muslim.

Latar Belakang Kajian

Ilmu Waqaf dan Ibtida' telah lama menjadi sebuah asas dalam pembacaan al-Quran. Ulama' klasik seperti Abū 'Amr al-Dānī dan al-Sajāwandī telah menghasilkan karya-karya rujukan utama mengenai hukum dan posisi waqaf serta ibtida'. Penekanan utama mereka adalah pada pemeliharaan pemahaman ayat al-quran melalui ketelitian dalam memberhentikan dan memulakan bacaan (Bulut, 2023). Namun, diskusi ini sebahagian besar masih terbatas pada kerangka ilmu Tajwid dan kurang dikaitkan dengan ilmu bahasa.

Dalam perkembangan kontemporari, kajian linguistik Arab telah memperkenalkan berbagai pendekatan ilmiah seperti analisis sintaksis, semantik, pragmatik dan *Balāghah* yang dapat diaplikasikan dalam memahami teks al-Quran (Abboush, 2024; Haleem, 2020; Sajjini et al., 2021; Zakaria et al., 2024). Misalnya, analisis membantu menjelaskan struktur kalimah yang mempengaruhi posisi waqaf, sedangkan semantik meneliti kesinambungan makna antara ayat sebelum dan selepas waqaf. Pragmatik, dari sisi yang lain menekankan konteks komunikasi dan makna tersirat dalam suatu ayat, sementara *Balāghah* menyoroti kesan retorik pembacaan ketika waqaf dan ibtida' diterapkan.

Integrasi kedua dimensi ini masih kurang mendapat perhatian sistematik dalam kajian akademik. Ini menimbulkan keperluan untuk membangun dan membina kerangka konseptual yang komprehensif, sehingga analisis pembacaan al-Quran dapat diperkuatkan dengan dasar ilmiah linguistik tanpa mengabaikan disiplin klasik. Hal ini juga berdasarkan kepada kajian yang menyatakan bahawa aplikasi ilmu Waqaf dan Ibtida' ini perlu disempurnakan dengan aplikasi kaedah tatabahasa linguistik Arab (Muhammad Syafee Salihin Hasan, Khairatul Akmar bin Abd Latiff, Shaharudin bin Pangilun, 2017). Hal ini juga dapat disokong daripada kajian Fikri Ihsan dan Haneefa Shahrom yang menyenaraikan Nahu sebagai cabang pertama dalam perkaitan ilmu Waqaf dan Ibtida' dengan ilmu yang lain (Fikri Ihsan Khairuddin, Haneefa Shahrom, 2021).


Oleh sebab itu, penelitian ini bertujuan untuk mengembangkan kerangka konseptual tersebut untuk mengembangkan penelitian lanjutan yang lebih empirical dalam bidang pengajian al-Quran dan linguistik Arab.

Pengenalan Jenis Waqaf

Para ulama' membahagikan waqaf kepada beberapa jenis. Antara pembahagiannya adalah *al-Ikhtibārī*, *al-Idṭirārī* dan *al-Ikhtiyārī*. Namun, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama' sama ada pembahagiannya kepada tiga atau empat (Shukri et al., 2012; Suwaid, 2022). Bahagian pertama adalah

al-Waqf al-Idtirārī iaitu situasi yang berlaku kepada pembaca al-Quran ketika membacanya, waqaf ini terpaksa digunakan dengan sebab terputus atau kesempitan nafas, kelemahan atau terlupa ketika membaca. Bahagian kedua pula adalah *al-Waqf al-Ikhtibārī* iaitu situasi yang menuntut pembaca al-Quran untuk berhenti dengan sebab ujian, peperiksaan untuknya. Bahagian ketiga pula adalah *al-Waqf al-Intizārī* iaitu waqaf atas kalimah al-Quran untuk memahami apa yang ada padanya atau sebelumnya daripada ilmu Qirā'āt, riwayat-riwayat, ṭarīq-ṭarīq dan wajah-wajah bacaan. Namun begitu, pembahagian waqaf yang sering dibahaskan dengan lebih mendalam adalah *al-Waqf al-Ikhtiyārī*. Hal ini kerana jenis waqaf ini merupakan waqaf yang dilakukan oleh pembaca al-Quran berdasarkan pilihan dan kehendaknya sendiri untuk memerhati makna ayat dan mengaitkan dengan ayat-ayat dan kedudukan kalimah tanpa mengaitkannya dengan faktor-faktor waqaf seperti keuzuran, darurat, mempelajari hukum atau permintaan.

Pembahagian *al-Waqf al-Ikhtiyārī* pula dipecahkan kepada empat bahagian. Hal ini merupakan ijtihad daripada ulama' semisal Ibn al-Jazarī dan al-Dānī yang kemudiannya diikuti oleh para ilmuwan al-Quran yang selepas mereka. Hal ini dapat diringkaskan seperti rajah berikut:




Rajah 1: Kerangka Pembahagian Waqaf

Pengenalan Linguistik Arab

Linguistik Arab merupakan bidang ilmu yang meneliti bahasa Arab dari pelbagai dimensi, termasuk struktur, makna, penggunaan dan keindahan retoriknya (Hapianingsih & Fadli, 2024). Perhatian utama diberikan kepada tatabahasa dan sistem bahasa kerana ia menjadi asas dalam memastikan kefahaman terhadap wahyu tidak bercampur dengan kesalahan. Dengan itu, linguistik Arab sejak awal lagi telah berfungsi bukan sekadar sebagai bidang akademik, tetapi juga sebagai instrumen menjaga ketulenan makna al-Quran dan *Sunnah*.

Disiplin linguistik Arab terbahagi kepada beberapa cabang yang saling melengkapi. *Naḥu* dan *Ṣarf* berperanan menjelaskan struktur ayat dan perubahan bentuk kata (Rafbani et al., 2025). Semantik memberi tumpuan kepada makna perkataan dan kesinambungan makna dalam ayat (Umar, 2008). Pragmatik pula menilai penggunaan bahasa dalam konteks komunikasi dan situasi (Bamigbade & Dalha, 2020). *Balāghah* menekankan aspek keindahan, gaya dan daya persuasif bahasa (Sultan Zainal Abidin University 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia et al., 2018). Keempat-empat cabang ini bukan sahaja berfungsi secara teori, tetapi mempunyai aplikasi langsung dalam memahami teks al-Quran. Dengan meneliti bahasa melalui pelbagai dimensi ini, kajian linguistik Arab menyediakan kerangka yang kukuh untuk membentuk kefahaman yang lebih mendalam dan saintifik terhadap kandungan al-Quran. Hal ini dapat diringkaskan seperti rajah berikut:



Rajah 2: Kerangka Pembahagian Linguistik Arab

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis konseptual. Data diperolehi melalui kepustakaan terhadap sumber klasik atau turāth seperti karya ulama' serta sumber kontemporari dalam bidang linguistik Arab yang meliputi aspek sintaksis, semantik, pragmatik dan *Balāghah*. Analisis dilakukan dengan meneliti perbincangan tradisional mengenai waqaf dan ibtida' serta menghubungkannya dengan teori linguistik.

Proses analisis dilaksanakan melalui dua strategi utama iaitu perbandingan dan integrasi. Analisis perbandingan menilai persamaan dan perbezaan antara disiplin tradisional dan linguistik moden. Manakala integrasi dilakukan untuk membina hubungan konseptual antara keduanya. Keabsahan dapatan diperkukuh melalui triangulasi sumber bagi memastikan kerangka konseptual yang dibangunkan menepati piawaian akademik (Fenech Adami & Kiger, 2005). Pendekatan ini diyakini dapat menghasilkan model konseptual yang mantap untuk menyokong penyelidikan empirical akan datang dalam bidang pengajian al-Quran dan linguistik Arab.

Dapatan

Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa integrasi antara waqaf dan ibtida' dengan teori linguistik Arab menghasilkan satu kerangka konseptual yang bersifat menyeluruh dan saling melengkapi. Tradisi perbincangan waqaf dan ibtida' telah lama menekankan aspek ketepatan makna serta kefasihan bacaan. Sementara itu, teori linguistik Arab menawarkan dimensi saintifik dalam memahami struktur, makna, konteks dan keindahan retorik ayat al-Quran. Apabila kedua-dua pendekatan ini digabungkan, ia bukan sekadar menyatukan dua disiplin yang berbeza, tetapi membentuk asas metodologi yang lebih kukuh untuk menilai bacaan dan pemahaman al-Quran secara akademik dan praktikal. Kerangka konseptual yang akan diuraikan dalam kajian ini akan menumpukan kepada beberapa aspek iaitu:

- 1- Asas utama iaitu domain dua ilmu utama iaitu ilmu Waqaf dan Ibtida', dan ilmu linguistik Arab
- 2- Implikasi Pemboleh Ubah Bersandar
- 3- Membentuk gambar rajah kerangka konseptual sebagai rumusan

Asas utama iaitu domain utama bagi kedua-dua ilmu Adalah sangat penting supaya gambaran yang jelas bagi prinsip asas ilmu dapat dihadap. Aspek pertama ini telah dinyatakan dalam kajian ini, berbentuk pembahagian secara teori bagi kedua-dua ilmu. Seterusnya, aspek kedua adalah implikasi Pemboleh Ubah Bersandar yang lebih memfokuskan kepada integrasi ilmu, kesannya dan bagaimana kedua-dua ilmu ini bakal menghasilkan kefahaman yang lebih baik bagi kandungan al-Quran. Aspek ini akan dibincangkan dalam dapatan kajian. Aspek ketiga pula Adalah sebagai rumusan yang boleh digambarkan dalam bentuk gambar rajah. Aspek ketiga ini juga akan diuraikan dalam dapatan kajian.

Implikasi Pemboleh Ubah Bersandar

Analisis mendapati bahawa kategori waqaf mempunyai hubungan langsung dengan analisis sintaksis, khususnya dalam menentukan kedudukan *I'rāb* dan struktur ayat. Berhenti pada tempat yang betul memastikan keutuhan struktur gramatikal terpelihara, sekali gus mengekalkan makna asal. Dari aspek semantik, ibtida' yang tepat berfungsi untuk mengekalkan kesinambungan makna dan mengelakkan perubahan maksud yang boleh berlaku sekiranya pembacaan dimulakan di tempat yang tidak sesuai.

Hal ini menunjukkan bahawa integrasi antara waqaf, ibtida' dan linguistik Arab bukan sahaja menjaga makna literal, tetapi juga memberi jaminan terhadap kesinambungan maksud dalam ayat al-Quran.

Dimensi pragmatik turut memperkukuh peranan integrasi ini. Waqaf dan Ibtida' bukan sekadar soal hukum bacaan, tetapi juga berkait rapat dengan konteks komunikasi ayat. Pemilihan tempat berhenti dan memulakan bacaan dapat memberi kesan terhadap pemahaman pendengar serta mesej yang ingin ditekankan. Oleh itu, analisis pragmatik menjelaskan bahawa bacaan al-Quran adalah suatu bentuk komunikasi yang melibatkan interaksi makna antara teks, pembaca dan pendengar. Sementara itu, dimensi balaghah menunjukkan bahawa apabila waqaf dan ibtida' diaplikasikan dengan betul, keindahan retorik al-Quran dapat dipelihara. Unsur seperti pengulangan, gaya istifham, dan irama bahasa menyerlahkan kekuatan persuasif al-Quran yang bukan sahaja menyentuh akal, tetapi juga mempengaruhi emosi dan rohani.

Hasil sintesis ini menunjukkan bahawa integrasi antara disiplin klasik dan linguistik moden menghasilkan kefahaman yang lebih kaya dan seimbang. Ia memperlihatkan dua tahap penting, iaitu tahap pemeliharaan keaslian makna sebagaimana yang diwariskan dalam tradisi turāth dan tahap pengukuhan saintifik melalui kerangka linguistik kontemporari. Kedua-dua tahap ini menjadikan integrasi tersebut bukan sekadar gabungan, tetapi satu pendekatan interdisiplin yang menghubungkan warisan dengan keperluan akademik moden.

Implikasi kajian ini jelas dapat dilihat dalam dua bidang utama iaitu tadabbur masyarakat awam dan pedagogi di institusi pendidikan Islam. Bagi masyarakat awam, pemahaman tentang integrasi ini meningkatkan kualiti bacaan serta menambah nilai tadabbur melalui penghayatan makna yang lebih mendalam. Manakala dalam konteks pendidikan, kerangka yang dibangunkan boleh dijadikan asas bagi penyediaan modul pengajaran waqaf dan ibtida' berasaskan linguistik moden. Pendekatan ini bukan sahaja lebih sistematik, tetapi juga boleh disesuaikan dengan teknologi semasa untuk memastikan pengajaran lebih mesra pengguna dan relevan dengan keperluan generasi kini.

Secara keseluruhan, perbincangan ini membuktikan bahawa integrasi waqaf dan ibtida' dengan teori linguistik Arab mengekalkan autoriti tradisi ulum al-Quran sambil membuka ruang penambahbaikan dari segi metodologi, aplikasi akademik dan pemahaman masyarakat. Ia meletakkan disiplin ini dalam kerangka ilmu yang lebih luas, sejajar dengan penyelidikan kontemporari dan pembangunan pendidikan Islam berasaskan bukti. Integrasi ini pada akhirnya menegaskan bahawa warisan klasik Islam bukan sekadar relevan, tetapi juga berpotensi besar untuk terus berdialog dengan kerangka akademik moden dalam melahirkan kefahaman al-Quran yang lebih mendalam dan komprehensif.

Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa integrasi antara waqaf dan ibtida' dengan teori linguistik Arab menghasilkan satu kerangka konseptual yang bersifat menyeluruh dan saling melengkapi. Tradisi ulum al-Quran melalui perbincangan waqaf dan ibtida' telah lama menekankan aspek ketepatan makna serta kefasihan bacaan. Sementara itu, teori linguistik Arab menawarkan dimensi saintifik dalam memahami struktur, makna, konteks dan keindahan retorik ayat al-Quran. Apabila kedua-dua pendekatan ini digabungkan, ia bukan sekadar menyatukan dua disiplin yang berbeza, tetapi membentuk asas metodologi yang lebih kukuh untuk menilai bacaan dan pemahaman al-Quran secara akademik dan praktikal.

Unsur Pragmatik dalam Ilmu Waqaf dan Ibtida'

Dimensi pragmatik turut memperkukuh peranan integrasi ini. Waqaf dan Ibtida' bukan sekadar soal hukum bacaan, tetapi juga berkait rapat dengan konteks komunikasi ayat. Pemilihan tempat berhenti dan memulakan bacaan dapat memberi kesan terhadap pemahaman pendengar serta mesej yang ingin ditekankan. Oleh itu, analisis pragmatik menjelaskan bahawa bacaan al-Quran adalah suatu bentuk komunikasi yang melibatkan interaksi makna antara teks, pembaca dan pendengar. Sementara itu, dimensi balaghah menunjukkan bahawa apabila waqaf dan ibtida' diaplikasikan dengan betul, keindahan retorik al-Quran dapat dipelihara. Unsur seperti pengulangan, gaya istifham, dan irama bahasa menyerlahkan kekuatan persuasif al-Quran yang bukan sahaja menyentuh akal, tetapi juga mempengaruhi emosi dan rohani.

Hasil sintesis ini menunjukkan bahawa integrasi antara disiplin klasik dan linguistik moden menghasilkan kefahaman yang lebih kaya dan seimbang. Ia memperlihatkan dua tahap penting, iaitu tahap pemeliharaan keaslian makna sebagaimana yang diwariskan dalam tradisi turāth dan tahap

pengukuhan saintifik melalui kerangka linguistik kontemporari. Kedua-dua tahap ini menjadikan integrasi tersebut bukan sekadar gabungan, tetapi satu pendekatan interdisiplin yang menghubungkan warisan dengan keperluan akademik moden.

Implikasi kajian ini jelas dapat dilihat dalam dua bidang utama iaitu tadabbur masyarakat awam dan pedagogi di institusi pendidikan Islam. Bagi masyarakat awam, pemahaman tentang integrasi ini meningkatkan kualiti bacaan serta menambah nilai tadabbur melalui penghayatan makna yang lebih mendalam. Manakala dalam konteks pendidikan, kerangka yang dibangunkan boleh dijadikan asas bagi penyediaan modul pengajaran waqaf dan ibtida' berasaskan linguistik moden. Pendekatan ini bukan sahaja lebih sistematik, tetapi juga boleh disesuaikan dengan teknologi semasa untuk memastikan pengajaran lebih mesra pengguna dan relevan dengan keperluan generasi kini.

Perbincangan juga menegaskan bahawa integrasi ini bukan bertujuan menggantikan peranan ulama klasik dalam disiplin waqaf dan ibtida', sebaliknya berfungsi meluaskan perspektif dan horizon kajian agar ia selari dengan pendekatan akademik kontemporari. Apabila teori linguistik diaplikasikan, ia memberikan justifikasi saintifik yang menambah kukuh pandangan tradisional. Hal ini menjadikan kerangka konseptual yang dibangunkan lebih mudah diterima dalam wacana akademik moden kerana ia berpaksikan gabungan disiplin lama dan baharu. Bentuk integrasi ilmu juga menjadikan perbincangan ilmu semakin berkembang (Jasni, 2022).

Implikasi perbincangan ini turut menyentuh dua lapisan penting. Pertama, kepada masyarakat awam, integrasi ini dapat meningkatkan kesedaran bahawa bacaan al-Quran bukan hanya bersifat ritual, tetapi turut menuntun kefahaman makna yang mendalam. Kedua, kepada institusi pendidikan, kerangka ini memberi asas kepada penghasilan modul pembelajaran yang lebih sistematik serta berpotensi diadaptasi dalam platform teknologi digital. Dengan itu, pengajaran waqaf dan ibtida' dapat disampaikan secara lebih praktikal dan relevan kepada generasi muda.

Secara keseluruhan, perbincangan ini membuktikan bahawa pendekatan integratif memberikan sumbangan bermakna kepada disiplin pengajian al-Quran. Ia bukan sahaja mengukuhkan tradisi ulum al-Quran yang diwarisi, tetapi juga menempatkan disiplin ini dalam kerangka ilmu kontemporari yang menekankan analisis empirikal dan metodologi saintifik. Hasil ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa ilmu waqaf dan ibtida' masih segar dan terus relevan apabila diperkayakan dengan instrumen analisis linguistik moden.

Unsur Sintaksis (Nahu) dan Morfologi (Sarf) dalam Ilmu Waqaf dan Ibtida'

Analisis mendapati bahawa kategori waqaf mempunyai hubungan langsung dengan analisis sintaksis, khususnya dalam menentukan kedudukan l'rab dan struktur ayat. Berhenti pada tempat yang betul memastikan keutuhan struktur gramatikal terpelihara, sekali gus mengekalkan makna asal. Antara contoh yang dianalisis adalah dari ayat 2 surah al-Baqarah.

(ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾)

Terjemahan: "Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa".

(Al-Baqarah: 2)

Para ulama' memberhentikan bacaan pada kalimah ﴿لَا رَيْبَ﴾ menganggap bahawa Khabar kepada Lā (لا) di*hadhafkan*. Hal ini berdasarkan kepada *Taqdīmya* iaitu لا ريب فيه, kemudian dimulakan dengan ayat yang baharu sebagai *Isti'nāf* iaitu bermula kalimah ﴿فِيهِ﴾. Satu pandangan lagi menyatakan bahawa kalimah sadas bertindak sebagai *Khabar Lā* (لا) atau *Wasf* kepada kalimah sadsada. Hal ini melihatkan kepada faktor *Hadhaf Khabar* (Markaz Tafsir Lil Dirasat al-Quraniyyah, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa perubahan pada l'rab memberikan kesan kepada cara untuk waqaf atau memberhentikan bacaan secara langsung. Perihal ini juga menjadikan terbentuknya khilaf dalam kalangan para ulama' *Qurra'*.

Unsur Semantik (Makna) dalam Ilmu Waqaf dan Ibtida'

Dari aspek semantik, ibtida' yang tepat berfungsi untuk mengekalkan kesinambungan makna dan mengelakkan perubahan maksud yang boleh berlaku sekiranya pembacaan dimulakan di tempat yang

tidak sesuai. Hal ini menunjukkan bahwa integrasi antara waqaf, ibtida' dan linguistik Arab bukan sahaja menjaga makna literal, tetapi juga memberi jaminan terhadap kesinambungan maksud dalam ayat al-Quran.

(يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَّاتِ فَإِن كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلَا بُوَيْهَ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِن لَّمْ يَكُن لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَتُهُ آبَاؤُهُ فَلِلْأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِن كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِلْأُمِّهِ الشُّدُسُ مِن بَعْدِ وَصِيَّتِهِ يُوصَى بِهَا أَوْ دِينٌ ؕ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾)

Terjemahan: "Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

(Al-Nisa': 11)

Jika pembaca memberhentikan bacaan pada kalimah ﴿وَلَا بُوَيْهَ﴾ (dan kepada kedua ibu bapanya), hal ini boleh mengaburkan makna ayat yang menceritakan tentang pembahagian wasiat kepada waris yang ditinggalkan oleh orang yang meninggal dunia. Dari perspektif semantik, ayat ini hanya lengkap dan mendatangkan makna yang lebih jelas jika diberhentikan pada kalimah sebelumnya, atau menyambung bacaan dengan lebih lanjut. Justeru, para ulama' menghukum waqaf pada kalimah ﴿وَلَا بُوَيْهَ﴾ sebagai waqaf *Qabīh* (Markaz Tafsir Lil Dirasat al-Quraniyyah, 2015).

Hilangnya klausa pertama dalam permulaan bacaan akan memutus keterkaitan makna kausalitas (sebab-akibat) dan kondisional yang terjalin erat. Dalam analisis semantik, kohesi dan koherensi antar klausa sangat penting untuk membentuk makna yang menyeluruh dan logik (Halliday et al., 2014). Tanpa klausa pembuka, frasa "jika kamu takut tidak berlaku adil" menjadi melayang, tidak memiliki perujukan makna yang jelas mengenai konteks keadilan yang dimaksud.

Unsur Pragmatik (*Siyāq al-Kalām*) dalam Ilmu Waqaf dan Ibtida'

(الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُّهْتَدُونَ ﴿٨٢﴾)

Terjemahan: "Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk."

(al-An'am: 82)

Dari sudut pragmatik, ayat ini membawa mesej komunikasi yang kuat iaitu menegaskan syarat sebenar untuk memperoleh keamanan dan hidayah. Ia menjawab keraguan sebahagian masyarakat Arab pada ketika itu yang memahami iman hanya sebagai pengakuan lisan tanpa menuntut kesucian daripada kezaliman. Ayat ini berfungsi sebagai hikayat kepada kalam Nabi Ibrahim AS yang menjawab persoalan dirinya sendiri kepada kaumnya. Baginda bertanya: "Siapakah yang lebih berhak mendapat keamanan?". Nabi Ibrahim menjawab atas persoalannya sendiri tanpa menunggu jawapan mereka. Hal ini mendatangkan keinsafan dan muhasabah (Ibn Ashur, 1984). Dengan itu, ayat ini berfungsi untuk meluruskan kefahaman dan menegaskan bahawa keimanan yang bercampur dengan kezaliman tidak membawa kepada keselamatan rohani.

Sekiranya pembaca berhenti selepas frasa ﴿الَّذِينَ آمَنُوا﴾ (orang-orang yang beriman), mesej pragmatik menjadi tidak sempurna. Hal ini kerana pada tahap itu, ayat kelihatan seolah-olah merujuk kepada semua orang beriman secara umum. Sedangkan sambungan frasa ﴿وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ﴾ (dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman) adalah penjelasan penting yang mengkhususkan maksud orang beriman yang dimaksudkan. Dengan kata lain, waqaf pada bahagian pertama ini menjejaskan keutuhan mesej komunikasi kerana ia meninggalkan syarat utama yang menjadi inti penyampaian ayat.

Apabila bacaan diteruskan hingga selesai, mesej komunikatif menjadi jelas. Ayat tersebut bukan hanya menyebut tentang orang beriman secara umum, tetapi merujuk kepada golongan beriman yang benar-benar murni daripada syirik dan kezaliman. Dalam konteks pragmatik, kesinambungan ini sangat penting kerana ia mengarahkan pemahaman khalayak kepada maksud sebenar wahyu.

Unsur Balaghah (Retorik dan Keindahan Bahasa) dalam Ilmu Waqaf dan Ibtida'

(فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٣﴾)


Terjemahan: "Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?"

(al-Rahman: 13)

Ayat ini merupakan contoh yang paling menonjol dalam memperlihatkan keindahan *Balāghah* al-Quran kerana ia diulang sebanyak tiga puluh satu kali dalam surah al-Rahman. Dari sudut retorik, pengulangan ini berfungsi sebagai penegasan yang berlapis. Ia bertujuan membina kesedaran berterusan dalam kalangan pendengar tentang banyaknya nikmat Allah yang sering diabaikan (Muhammed & Abuzaid, 2023). Pengulangan juga menimbulkan kesan emosional kerana ia berulang dalam rentak yang tetap, sekali gus membentuk irama estetik yang tidak hanya didengar tetapi turut dirasakan oleh jiwa.

Dari sudut *Balāghah*, ayat ini menampilkan tiga unsur utama. Pertama, gaya *istifhām inkārī*, iaitu bentuk pertanyaan yang membawa maksud penafian dan kecaman (Al-Biqā'i, 2011; Al-Uthaimin, 2004). Kedua, unsur *takrār*, iaitu pengulangan yang membina kesan penegasan berterusan dan memperkukuh mesej ketuhanan. Ketiga, aspek musikaliti bahasa, iaitu irama yang lahir daripada pengulangan huruf-huruf tertentu yang menjadikan bacaan surah al-Rahman begitu indah dan berkesan (Povi, 2016). Semua unsur ini hanya dapat dipelihara apabila pembaca mematuhi hukum waqaf dan ibtida' dengan tepat.

Output kajian ini dapat dirumuskan bahawa apabila salah satu atau keseluruhan aspek antara kedua-dua ilmu ini tidak dipatuhi, maka pembacaan dan pemeliharaan makna al-Quran bakal terjejas. Di sini juga terdapat kesimpulan dari para ulama' yang dapat dilihat daripada istilah-istilah waqaf yang telah dikelaskan oleh para ulama'. Begitu juga aspek tadabbur bakal terjejas. Hal ini juga perkara yang penting untuk sampai kepada tahap yang seterusnya iaitu penghayatan. Daripada unsur penghayatan akan membawa kepada pengamalan atau aplikasi makna al-Quran kepada kehidupan realiti. Kesemua unsur ini dapat diringkaskan kepada gambar rajah berikut:



Rajah 3: Rumusan Kerangka Konseptual

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan kepentingan integrasi antara ilmu waqaf dan ibtida' dengan teori linguistik Arab dalam memperkukuh kefahaman terhadap al-Quran. Analisis yang dijalankan membuktikan bahawa setiap disiplin membawa kekuatan tersendiri. Ilmu waqaf dan ibtida' berfungsi menjaga keutuhan makna serta kefasihan bacaan, manakala teori linguistik Arab menawarkan kerangka saintifik untuk menilai struktur, makna, konteks dan gaya bahasa al-Quran. Gabungan kedua-duanya menghasilkan satu kerangka konseptual yang komprehensif serta berupaya menghubungkan tradisi klasik dengan pendekatan akademik kontemporari.

Implikasi kajian ini jelas dalam dua bidang utama iaitu masyarakat awam dan pendidikan Islam. Bagi masyarakat awam, kerangka ini dapat meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memahami al-Quran secara mendalam melalui bacaan yang tepat dan berdisiplin. Bagi institusi pendidikan, kerangka ini boleh dijadikan asas pembinaan modul pembelajaran yang lebih sistematik serta bersesuaian dengan keperluan semasa, termasuk adaptasi kepada platform digital. Dengan itu, ilmu waqaf dan ibtida' bukan sahaja kekal relevan, tetapi turut menyumbang kepada pengembangan ilmu al-Quran dalam kerangka penyelidikan moden.

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa pendekatan integratif mampu memperkaya tradisi ulum al-Quran dan meletakkannya dalam konteks yang lebih luas serta saintifik. Ia membuka ruang kepada penyelidikan empirikal lanjutan yang dapat menyokong pengajian al-Quran pada masa

hadapan, sekali gus mengekalkan keseimbangan antara warisan klasik dan keperluan akademik semasa.

Rujukan

- Abboush, A.-F. M. (2024). التَّأْوِيلُ النَّحْوِيُّ فِي كِتَابِ "مَعَانِي الْقُرْآنِ" لِلْفَرَاءِ: مَظَاهِرُهُ وَأَحْكَامُهُ. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 22(1), 138–167. <https://doi.org/10.1163/22321969-20240148>
- Al-Biqā'i, I. bin U. bin H. al-R. bin A. bin A. B. (2011). *Nazm al-Durar*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Uthaimin, M. bin S. bin M. (2004). *Tafsir al-Uthaimin*. Dar Thurayya.
- Aripin, R. (2018). *Pengaruh waqaf dan ibtida' terhadap terjemah dan tafsir*. UIN Syarif Hidayatullah.
- Bamigbade, W. A., & Dalha, L. (2020). The Pragmatics of the Rhetorical Question in Selected (English) Qur'an Chapters. *Language and Semiotic Studies*, 6(4), 103–125. <https://doi.org/10.1515/lass-2020-060406>
- Bulut, H. (2023). Secâvendî'ye Göre Kur'ân'daki Vakf-ı Lâzım Remizlerinde Vasl Yapmanın Anlama Etkisi. *Cumhuriyet İlahiyat Dergisi*, 27(1), 120–135. <https://doi.org/10.18505/cuid.1250338>
- Fenech Adami, M., & Kiger, A. (2005). The use of triangulation for completeness purposes: *Triangulation in research refers to the use of multiple techniques for gathering and/or handling data within a single study. The original purpose of triangulation was to seek confirmation of apparent findings. There now appears to be support for a second purpose – completeness. This paper reviews the arguments surrounding the use of triangulation, and shows how its use facilitated one researcher's attempt to provide a complete picture of the phenomenon explored in a qualitative study of the adequacy of the nurse education system in Malta.* *Nurse Researcher*, 12(4), 19–29. <https://doi.org/10.7748/nr2005.04.12.4.19.c5956>
- Fikri Ihsan Khairuddin, Haneefa Shahrom. (2021). WAQAF DAN IBTIDĀ': PERKAITAN DENGAN ILMU-ILMU LAIN DALAM MENENTUKAN TEMPAT WAQAF DAN IBTIDA' DI DALAM AL-QURAN. *Jurnal 'Ulwan*, 241 - 256.
- Haleem, M. A. (2020). Rhetorical Devices and Stylistic Features of Qur'anic Grammar. In M. A. Haleem & M. Shah (Eds.), *The Oxford Handbook of Qur'anic Studies* (pp. 326–345). Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199698646.013.22>
- Halliday, Kirkwood, M. A., & Hasan, R. (2014). *Cohesion in English*. Routledge.
- Hapianingsih, E., & Fadli, A. (2024). Analisis Kajian Linguistik Modern dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Al-Lahjah : Jurnal Pendidikan, Bahasa Arab, Dan Kajian Linguistik Arab*, 7(2), 804–816. <https://doi.org/10.32764/lahjah.v7i2.4638>
- Ibn Ashur, M. al-T. bin M. bin Mu. al-Tahir. (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*. Al-Dar al-Tunisia.
- Jasni, bin S. (2022). *Integrasi Ilmu untuk Kemajuan Peradaban Bangsa: Kajian Amalannya di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.: Vol. Book Chapter of Proceedings Journey* (1st ed.). Liaison Academia and Society.
- Khairuddin, F. I., Misran, A. S., Riddzwan, A., & Shahrom, H. (2021). WAQAF DAN IBTIDĀ': PENELITIAN TERHADAP KAEDAH ASAS DALAM PENENTUAN TEMPAT WAQAF DAN IBTIDĀ'. *Jurnal Maw'izah*, 4, 11–21.
- Markaz Tafsir Lil Dirasat al-Quraniyyah. (2015). *Al-Waqf wa al-Ibtida'*. Markaz Tafsir Lil Dirasat al-Quraniyyah.
- Muhammed, A. M., & Abuzaid, N. M. (2023). The Secrets of Repetition in the Holy Qur'an, its Implications and Objectives Sūrah Al-Shu'Arā' in Ibn 'Āshūr Tafseer as a Model. *Quranica*, 15(1 Special Issue 10), 427–458.
- Muhammad Syafee Salihin Hasan, Khairatul Akmar bin Abd Latiff, Shaharudin bin Pangilun. (2017). METODOLOGI WAQF DAN IBTIDA' MENURUT TATABAHASA. *Jurnal Pengajian Islam*, 37 - 58.
- Povi, M. (2016). *Gaya Bahasa Terjemahan Surah Ar-Rahman Dalam Al-Quran Al-Karim Bacaan Mulia Karya H.B. Jassin Dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran Bahasa Dan Sastra Indonesia Di Sekolah*. UIN Syarif Hidayatullah.
- Putra, W. H. (2021). *LINGUISTIK AL-QUR'AN; Membedah Makna dalam Konvensi Bahasa*. Penerbit Adab.

- Rafbani, R., Sulaiman, R., Siddik, A. N., Fikri, A., & Rangkuti, C. (2025). Peranan Pembelajaran Nahu dan Saraf dalam Meningkatkan Pemahaman Isi Al-Qur'an Pelajar di Madrasah Pertubuhan Kebajikan Al-Muhibbin Melaka, Malaysia. *Indonesian Research Journal on Education*, 5(1), 1511.
- Sazjini, M., Oshriyeh, R., & Rezaee Isfahani, M. A. (2021). A Semantic Study of the Word "Furqan" in the Holy Quran: A Reply to Doubts Using Paradigmatic and Syntagmatic Axes. *Religious Inquiries*, 10(20). <https://doi.org/10.22034/ri.2020.174565.1314>
- Shukri, A. K., Jayusi, A. M., Sulaiman, A. A. M., Al-Qudhah, A. M. M., Hammad, U. Y., Al-Qudhah, M. I., Al-Majali, M. K., Al-Shamali, M. U., & Abu Ghalyun, A. R. A. R. (2012). *Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid*. Jam'iyah al-Muhafazhah Ala al-Quran al-Karim.
- Sultan Zainal Abidin University 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia, Anas, M., Zubir, B. N., International Islamic University Malaysia, Engku Atek, E. S., & Sultan Zainal Abidin University 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. (2018). The Relationship Between Elements of Balaghah and Narration in The Story of Moses. *Global Journal al Thaqafah*, 8(2), 67–73. <https://doi.org/10.7187/GJAT122018-6>
- Suwaid, A. R. (2022). *Al-Tajwid Al-Musawwar*. Dar al-Ghawthani.
- Umar, A. M. A. H. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-Arabiyyah al-Mu'asirah*. Alam al-Kutub.
- Zakaria, M. Z., Khairuddin, M. N., Isa, A. A. M., Majid, M. A. A., Suparia, F. A. A., & Raffi, M. S. M. (2024). Implicit Meanings in the Quran: A Pragmatic Perspective. *Theory and Practice in Language Studies*, 14(11), 3546–3556. <https://doi.org/10.17507/tpIs.1411.23>